



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI,  
TINGKAT 12,14, 17 & 18,  
WISMA BAPA MALAYSIA,  
PETRA JAYA  
93502 KUCHING  
SARAWAK

Telefon : 082-313545  
Faks : 082-441676/449948  
Laman Web: <http://sfs.sarawak.gov.my>

Ruj Tuan :

Ruj Kami : SFS/00021/1 SFS-CIRCULARS(P)(10)

Tarikh : **17 APR 2025**

## SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI BIL. 8/2025

Semua Ketua Eksekutif  
Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri

### KOD ETIKA DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI

#### 1. TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (*Government-Linked Company*) mengenai penerbitan Kod Etika dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri.
- 1.2 Butiran terperinci Kod Etika dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri adalah seperti yang dilampirkan bersama dengan Surat Pekeliling ini.

#### 2. TAKRIFAN

- 2.1 Bagi tujuan Surat Pekeliling ini, takrifan Agensi Kerajaan Negeri adalah merujuk kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan (*GLC*) Negeri yang didefinisikan seperti berikut ;  
  
"Syarikat Berkaitan Kerajaan ("GLC")" ditakrifkan sebagai:
  - (i) sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau dimiliki secara majoriti secara langsung oleh sebuah badan berkanun negeri, termasuk syarikat yang diperbadankan di bawah *State Financial Secretary (Incorporated)* ; dan

- (ii) sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya atau dimiliki secara majoriti secara tidak langsung oleh sebuah badan berkanun negeri, termasuk syarikat yang diperbadankan di bawah anak syarikat *State Financial Secretary (Incorporated)*.
- 2.2 Manakala, **Ketua Agensi** merujuk kepada Ketua Eksekutif atau Ketua Pegawai Eksekutif bagi Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) di perenggan 2.1 di atas.
- 3. OBJEKTIF KOD ETIKA DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**
- 3.1 Secara umumnya, objektif utama penerbitan Kod Etika dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan ketelusan dalam perolehan Kerajaan Negeri yang dapat mengurangkan dan membasmikan gejala rasuah seperti mana kod etika yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan dan negara-negara membangun yang lain.
- 3.2 Penerbitan Kod Etika dalam urusan perolehan Kerajaan Negeri ini juga merupakan komitmen dan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan tadbir urus perolehan yang baik dalam sistem perolehan Kerajaan Negeri. Di samping memupuk saingan yang adil dan terbuka serta dilaksanakan di bawah piawaian etika yang tinggi dan diyakini oleh pemegang taruh bagi Kerajaan Negeri.
- 3.3 Kod Etika ini juga merupakan usaha dan komitmen Kerajaan Negeri dalam menguruskan aktiviti perolehan Kerajaan Negeri, untuk sentiasa bersikap profesional, telus dan berintegriti dengan semua pihak berkepentingan selaras dengan keperluan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.
- 3.4 Kod Etika ini juga memberi panduan mengenai peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dan larangan-larangan yang perlu dihindari semasa melaksanakan aktiviti perolehan di agensi masing-masing. Ia juga sebagai panduan kepada pembida, pembekal dan kontraktor yang berurusan dengan pegawai-pegawai perolehan di agensi Kerajaan Negeri.

#### **4. SKOP KOD ETIKA DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN NEGERI**

- 4.1 Skop Kod Etika ini adalah terbahagi kepada enam (6) komponen seperti berikut :

##### **BAHAGIAN I - PENGENALAN**

- 1.0 Nilai untuk Setiap Ringgit
- 2.0 Integriti Dalam Perkhidmatan Awam Negeri
- 3.0 Rasional dan Asas kepada Kod Etika Perolehan
- 4.0 Prinsip Penyediaan Kod Etika Dalam Perolehan Kerajaan Negeri

##### **BAHAGIAN II – TAKRIFAN DAN SKOP KOD ETIKA**

- 1.0 Takrifan
- 2.0 Penggunaan Kod Etika
- 3.0 Prinsip Perolehan Kerajaan Negeri
- 4.0 Objektif Kod Etika
- 5.0 Tanggungjawab Pegawai Awam dan Pembida

##### **BAHAGIAN III – INTEGRITI DALAM PERKHIDMATAN AWAM SARAWAK**

- 1.0 Prinsip Utama dalam Perkhidmatan Awam
- 2.0 Piawaian dalam Perkhidmatan Awam
- 3.0 Profesionalisme dalam Perkhidmatan Awam
- 4.0 Kaedah Menangani Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)
- 5.0 Tatacara Pengurusan Penerimaan Hadiah

##### **BAHAGIAN IV – KOD ETIKA PEGAWAI PEROLEHAN SEMASA PELAKSANAAN PROSES PEROLEHAN**

- 1.0 Prinsip Etika dan Amalan dalam Setiap Peringkat Aktiviti Perolehan
- 2.0 Tingkah Laku dan Pengurusan Maklumat Dalam Proses Perolehan Kerajaan

##### **BAHAGIAN V – ETIKA DAN TINGKAH LAKU PEMBIDA DAN PEMBEKAL**

- 1.0 Tingkah Laku Beretika
- 2.0 Menghormati Tanggungjawab Pegawai Perolehan

##### **BAHAGIAN VI – PERLINDUNGAN, KESAN DAN PELAPORAN TINGKAH LAKU YANG TIDAK BERETIKA**

- 1.0 Prosedur Aduan Mengenai Perolehan
- 2.0 Pelanggaran Kod Etika : Tindakan Terhadap Pegawai Perolehan dan Pembida/Pembekal
- 3.0 Melaporkan Tingkah Laku Yang Tidak Beretika

- 4.2 Bagi memudahkan rujukan kepada Kod Etika dalam Urusan Perolehan Kerajaan Negeri di atas, bersama ini disertakan manual Kod Etika dalam format pdf. QR Code untuk rujukan selanjutnya;

Perkara	QR Code
Kod Etika Dalam Urusan Perolehan Kerajaan Negeri (Sila imbas QR Code)	

## 5. PEMATUHAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 5.1 Semua Syarikat Berkaitan Kerajaan Negeri (GLCs) hendaklah menerima dan mematuhi Kod Etika ini dengan persetujuan Lembaga Pengarah masing-masing.
- 5.2 Bagi maksud penerbitan Kod Etika ini, ia juga dipanjangkan kepada pembida, pembekal/kontraktor yang terlibat dalam urusan perolehan di agensi masing-masing.

## 6. PENGUATKUASAAN

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih

**"BERSATU BERUSAHA BERBAIKTI "**

**"AN HONOUR TO SERVE"**

I DATO SRI DR. WAN LIZOZMAN BIN WAN OMAR ]

Setiausaha Kewangan Negeri  
Sarawak

- s.k.: 1. YB Setiausaha Kerajaan Sarawak  
2. Peguam Besar Negeri  
3. Pengarah, Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak  
4. Pengarah, Unit Audit Dalam, Jabatan Premier Sarawak  
5. Pengarah, Unit Integriti dan Ombudsman Negeri, Jabatan Premier Sarawak